

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

(PASIR GUDANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.11.2014

Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan dan inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian bagi membantu penduduk tempatan yang diletakkan status tidak layak membuat pinjaman bank untuk membeli Rumah Mampu Milik atas dasar tiada penyata pendapatan.

DRAF JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Perumahan

Negara Berhad (SPNB) sebagai sebuah Syarikat Milik Penuh Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan semenjak Ogos 1997, bertanggungjawab menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti terutama kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Untuk permohonan Rumah Mampu Milik (RMM), proses & prosedur pinjaman bagi RMM adalah tertakluk kepada prosedur daripada pihak bank & Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia (BPP). Pada dasarnya pembiaya kewangan membuat tapisan awal bagi menentukan kelayakan pemohon untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Pembeli yang mempunyai latar belakang kewangan dan dokumen sokongan yang kukuh sahaja yang layak untuk mendapat pinjaman daripada pihak bank manakala kakitangan awam pula adalah berdasarkan kelayakan pinjaman daripada BPP. Bagi mereka yang bekerja sendiri, maklumat pendaftaran perniagaan dan penyata kewangan enam bulan diperlukan. Memandangkan pinjaman perumahan RMM adalah melalui pembiaya kewangan bank atau BPP, maka secara automatik prosedur dan syarat adalah tertakluk kepada prosedur & syarat daripada pembiaya kewangan terbabit.

Walaupun bagaimanapun bagi pemohon yang tidak mempunyai punca pendapatan yang tetap dan tiada penyata pendapatan, SPNB membantu dengan mencadangkan pembeli membuat permohonan pembiayaan melalui institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian dengan SJKP (Syarikat Jaminan Kredit Perumahan). Dengan bantuan SJKP, dijangkakan lebih ramai rakyat Malaysia akan mampu untuk memiliki rumah sendiri. Mereka yang berminat untuk memohon skim ini atau ingin mendapatkan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan mana-mana cawangan institusi-institusi kewangan yang terdekat yang menyertai SJKP.

Selain itu, SPNB juga sedang mempertimbangkan untuk menawarkan kemudahan/ skim sewa-beli untuk para pemohon yang berkelayakan. Walau bagaimanapun, perkara ini masih diperingkat perancangan dan belum diputuskan lagi.